

NIOSH UPDATES

Issue 15, Volume 11, 2018

OSH BEST PRACTICES SEMINAR

CULTIVATING A SAFE AND HEALTH WORK ENVIRONMENT
FOR A BUSINESS SUCCESS

5-6 SEPTEMBER 2018

AVILLION ADMIRAL COVE, PORT DICKSON



Stroke haba bawa maut



OSH BEST PRACTICES SEMINAR

CULTIVATING A SAFE AND HEALTH WORK ENVIRONMENT
FOR A BUSINESS SUCCESS

5-6 SEPTEMBER 2018

AVILLION ADMIRAL COVE, PORT DICKSON



Register Now!

Fees : **RM 350.00**
Certificate : **Yes**
CEP : **CEP Point is based on CEP Guidelines by DOSH**
CPD : **CPD Point is based on CPD Guidelines by MMC**
Registration : **Online System / www.niosh.com.my**
Payment : **Cash / Online Banking / Credit Card * Please bring along the Proof of Payment during Registration**
NIOSH Acc No : 5122 6840 2410 (Maybank)

For more information, please contact the secretariat :

Phone: 03-8911 3871 (Ms. Ernie Sazlien Baharuddin) F aks : 03-8926 5655 Email : ernie.sazlien@niosh.com

OSH BEST PRACTICES SEMINAR
CULTIVATING A SAFE AND HEALTH WORK ENVIROMENT FOR
A BUSINESS SUCESS
5-6 SEPTEMBER 2018
AVILLION ADMIRAL COVE, PORT DICKSON

No	Seminar @ Day 1	Time	Speaker	Hours
1	REGISTRATION OF DAY 1	08.30 – 9.00		
2	COMMUNITING ACCIDENTS AND CONTRIBUTIONS' BENEFIT	09:00 – 10:00	SOCSCO	1.0 H
3	MORNING TEA BREAK	10:00 - 10: 30		
4	COMPLIANCE WITH LAWS REGULATION KKP 1994	10.30 – 11:30	DOSH	1.0 H
5	IDENTIFICATION OF SAFETY HAZARD AND RISK AT THE WORKPLACE	11:30 - 13:00	NIOSH	2.0H
6	LUNCH AND ZOHOR BREAK	13:00 - 14:00		1.0 H
8	HOW TO EVALUTE SAFETY HAZARDS EFFECTIVELY	14:00 – 16:00	NIOSH	2.0 H
7	TEA BREAK & ENDS	16:00		
No	Seminar @ Day 2	Time	Speaker	Hours
1	PERFORMANCE MONITORING FOR SAFETY HAZARDS	09:00 – 10.30	NIOSH	2.0 H
2	MORNING TEA BREAK	10:30 - 11: 00		
3	MANAGING HIDDEN FACTORS AT WORKPLACE	11:00 – 12:30	NIOSH	1.5 H
4	LUNCH AND ZOHOR BREAK	12:30 - 14:00		
5	ENHANCING MENTAL POWER & STRENGTH TO INCREASE WORKERS PRODUCTIVITY	14:00 – 15.30	NIOSH	2.0 H
6	A BEAT OF LIFE	15:30 – 17:00	NIOSH	1.5 H
7	CERTIFICATE / TEA BREAK	17:00		



Strok haba bawa maut

Banyak negara di seluruh dunia mengalami gelombang haba sehingga mencapai suhu melampau. Jepun mengistiharkan bencana alam selepas 96 maut dan ribuan rakyatnya dimasukkan ke hospital akibat strok haba selepas mencapai lebih 40 darjah Celsius.

Di Greece, sekurang-kurangnya 93 orang maut, Kanada (54) manakala Montreal (28) akibat strok haba, selain Filipina dijangka akan mengalami 12 kali ganda kematian akibat bencana sama.

Gelombang haba mencecah paras melampau ini menyebabkan seluruh dunia menanggung sengsara dan memerlukan perhatian serius sepanjang perubahan iklim berkenaan.

Strok haba berlaku apabila suhu badan melebihi 40 darjah Celsius yang secara langsung menyebabkan kegagalan pengawalan suhu badan dari otak, seterusnya berlaku dehidrasi atau kekurangan cecair di dalam badan.

Apa itu strok haba?



Strok haba bawa maut

Jenis Strok haba

1. Strok Haba – disebabkan haba dari luar yang sangat panas, menyebabkan suhu badan meningkat secara mendadak. Keadaan ini biasanya berlaku apabila berada di kawasan dengan cuaca semasa musim panas seperti di negara asia barat.
2. Strok haba berlaku apabila badan mengeluarkan tenaga yang tinggi, seterusnya penghasilan haba kerana melakukan aktiviti fizikal lasak seperti maraton di dalam cuaca panas

Tanda Strok haba

Dalam senario Malaysia, strok haba jenis kedua banyak dilaporkan.

Lebih tragik, mangsa membabitkan kank-kanak yang ditinggalkan di dalam kereta dalam cuaca panas tanpa pengudaraan atau ventilasi, walaupun pada tempoh masa singkat.

Jadi jika seseorang berhadapan gejala seperti sakit kepala, pening dan rasa hampir pitam ketika berada di bawah cuaca atau suhu terlalu panas, mereka maka perlu lebih berwaspada.

Gejala lebih teruk apabila mangsa strok haba mengalami tahap kewarasan yang tidak normal seperti berasa keliru dalam aktiviti harian.

Buat rawatan segera

Faktanya, strok haba boleh berlaku kerana tubuh hilang keupayaan mengawal suhu badan dan kegagalan mengeluarkan peluh walaupun suhu badan sangat panas.

Kajian menunjukkan risiko kematian lebih tinggi sekiranya lewat menurunkan suhu badan lebih dua jam selepas berlaku strok haba.

Kadar kematian akibat strok haba boleh mencecah sehingga tujuh peratus. Seorang daripada 10 mangsa mungkin meninggal dunia.

Justeru, mangsa perlu diberi rawatan awal untuk mengurangkan suhu badan bagi membantu proses pemulihan.

Strok haba bawa maut

Siapa mangsa strok haba

Pesakit yang menghidap penyakit kronik seperti kencing manis, darah tinggi, jantung dan kegagalan buah pinggang berisiko mengalami komplikasi serius.

Warga emas, ibu hamil dan kanak-kanak berisiko mengalami strok haba disebabkan perubahan fisiologi tubuh badan mereka.

Punca strok haba

Suhu panas terperangkap dalam tubuh. Ini menyebabkan tiada pengaliran haba yang keluar. Kesannya suhu badan tidak dapat dikawal.

Keadaan itu menjejaskan metabolisma protein dan sel dalam tubuh akan mati dan membawa kepada kerosakan organ utama seperti otak, ginjal dan hati.

Individu yang kurang minum air, selain ada masalah kulit rosak menyebabkan tidak boleh mengeluarkan peluh untuk menyejukkan badan secara semula jadi.

Strok haba bawa maut

INFO

Langkah menyelamatkan mangsa strok haba

- Bawa mangsa ke tempat teduh dan berangin.
- Longgarkan baju sekiranya ketat.
- Baringkan mangsa dengan mengangkat sedikit kaki, dalam kedudukan selesa
- Letakkan pek ais pada leher, ketiak, dan kelangkang mangsa (Kawasan banyak kelenjar peluh, bila ada perbezaan suhu, haba akan keluar).
- Pasang kipas sekiranya ada.
- Beri mangsa minum air kosong kalau sudah sedar.
- Dapatkan bantuan kecemasan dan hantar mangsa ke hospital untuk rawatan lanjut.

Langkah mencegah strok haba

- **Lakukan aktiviti** riadah semasa suhu selesa.
- minum air kosong antara 1.8 liter ke 2.5 liter sehari, berdasarkan berat badan.
- kurangkan minum air manis dalam cuaca panas (meningkatkan kadar gula dalam badan dan menyebabkan kencing lebih kerap.
- minuman isotonik boleh menggantikan garam dalam badan (pastikan ia tidak mengandungi kadar gula yang tinggi).
- **Memakai pakaian** yang sesuai untuk cuaca panas.



Komplikasi akibat strok haba

- kerosakan hati
- kerosakan otak
- kerosakan ginjal
- kerosakan otot-otot
- komplikasi tidak langsung terhadap penyakit kronik seperti kencing manis, lemah jantung
- kehilangan/kekurangan cecair serta garam-garam dari tubuh badan

Physical Hazards of the Workplace (Occupational Safety & Health Guide Series) 2nd Edition

by [Barry Spurlock](#) (Author)


The recognition and control of hazards in the work environment are the cornerstone of every company's safety and health plan. Every workplace contains dangers, especially those devoted to technology, machinery, and potentially hazardous material. This book provides you with the information you need to understand the regulations that provide for facility safety and their successful implementation for profitable management of any business.

Editorial Reviews

About the Author

Barry S. Spurlock is an Assistant Professor at Eastern Kentucky University in the College of Justice and Safety, and the Managing Member Attorney with Spurlock Law, PLLC. In addition to being a practicing attorney, he is also a Board Certified Safety Professional. At ECU, Barry teaches graduate and undergraduate courses on topics such as workers' compensation and labor law, workers' compensation management, occupational safety management, safety performance measurement and workplace hazard identification and control. Prior to being a full-time faculty member at ECU, Barry practiced employment law full time and devoted a significant amount of his practice to representing and advising employers on OSHA matters. Before becoming an attorney, Barry worked for over 16 years as a safety and environmental professional in the steel, food and insurance industries. He also served as an adjunct faculty for Indiana University for over a decade, and while there developed one of the first courses on safety performance measurement to be offered at any university. Barry holds a Bachelor's of Science in Industrial Safety and Risk Management, and a Master of Science in Loss Prevention and Safety Administration, both from Eastern Kentucky University. He also holds a Juris Doctor from Northern Kentucky University's Salmon P. Chase College of Law. Barry is an active member of ASSE and currently serves the Louisville Chapter as a past president and as Chair of the Government Affairs Committee. He is also a member of ASSE's National Government Affairs Committee. Barry has authored articles for the American Bar Association's Tort & Insurance Practice Specialty's Worker's Compensation and Employer's Liability periodical, and is co-author of the book "Chomp Comp; The Small Business Guide to Lower Worker's Compensation Premiums." He is a frequent speaker at the most prestigious national safety conferences.

BOOK REVIEW



Physical Hazards of the Workplace (Occupational Safety & Health Guide Series) 2nd Edition

by [Barry Spurlock](#) (Author)

Product details

Series: Occupational Safety & Health Guide Series

Hardcover: 302 pages

Publisher: CRC Press; 2 edition (December 11, 2017)

Language: English

ISBN-10: 1466557036

ISBN-13: 978-1466557031

Product Dimensions: 6.1 x 0.7 x 9.2 inches

Shipping Weight: 1.2 pounds ([View shipping rates and policies](#))

Average Customer Review: [Be the first to review this item](#)



Amazon Best Sellers Rank: #2,348,192 in Books ([See Top 100 in Books](#))

#1021 in [Books](#) > [Engineering & Transportation](#) > [Engineering](#) > [Industrial, Manufacturing & Operational Systems](#) > [Health & Safety](#)

#1027 in [Books](#) > [Science & Math](#) > [Technology](#) > [Safety & Health](#)

#1791 in [Books](#) > [Business & Money](#) > [Economics](#) > [Sustainable Development](#)

BOOK REVIEW





Headline : Factory gas leak claims two lives
Publication : The Star
Date : 14 Ogos 2018
Page : 3N

Factory gas leak claims two lives

Workers fall victim to effects of faulty pipe

By PRIYA MENON
priya@thestar.com.my

SHAH ALAM: Watching victims of an ammonia gas leak in Desa Latania, Shah Alam, which claimed two lives, was an unbearable sight for 70-year-old R. Nachiammah.

The resident of Pangsapuri Sri Era along Jalan Nagasari, located 300m from the ice factory where the leak occurred, said residents watched helplessly as paramedics tried to save the affected foreign workers.

"It was sad to see them struggling for their lives. These boys had come all the way from their homeland to earn a living and then this happens," she said.

It hit a raw nerve for her as she had seen the workers walking past the flats several times heading to nearby shops.

Another resident, Kalsom Ahmad, 71, said her daughter alerted her family of six after detecting the foul stench at around 5am.

The smell, she said, was acrid and filled the entire house.

Fire and Rescue Department officers asked all residents to gather



Emergency treatment: Medical personnel attending to some of the workers affected by the gas leak.

at a safe distance until the smell subsided.

"We could not breathe inside the house. We had to come out but we couldn't carry my paralysed husband, so we kept going back in to check on him. The stench stayed in the air until 1pm," Kalsom said.

Meanwhile, department head Yusri Basri said they managed to locate the source of the leak at 1.20pm.

He said a consultant had been brought in to fix a damaged pipe attached to an ice-processing machine.

"In the meantime, our firemen have been spraying water mist to

contain the ammonia gas in the air," he said.

Yusri added that the area cordoned off had been reduced from a radius of 3km to 200m. SMJK Chung Hwa, which is located nearby, can also resume classes today.

Earlier, Bernama reported that the bodies of the victims had been sent to Tengku Ampuan Rahimah Hospital in Klang.

The injured were sent to several hospitals for treatment.

They suffered breathing difficulties, vomiting and eye irritation due to the high ammonia content, which was 500 ppm (parts per million)



STAR
3N
14/8/18

Investigation underway: Fire and Rescue Department personnel at the scene of the gas leak in Desa Latania.

compared to the normal reading of 50 ppm and below.

Selangor Menteri Besar Amirudin Shari, in a statement, said the state government viewed the incident seriously and instructed the Shah Alam City Council (MBSA) and the relevant departments to take necessary action to ensure the safety of residents nearby.

MBSA said the factory had the licence to process ice, but did not have permission to house hazardous material.

"For now, we have asked them to cease operations," it said in a statement.

Selangor Health Department director Datuk Dr Khalid Ibrahim said the affected workers were given medical treatment on-site.

"Ten workers were intubated, while nine are being monitored at hospitals.

"Six others were allowed to go home after they were briefed on signs of ammonia gas poisoning," he said.

Watch the video
thestartv.com



Headline : Mesin kayu makan tangan
Publication : Harian Metro
Date : 01 Ogos 2018
Page : 04



MANGSA menerima rawatan di Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat. Gamber kecil, dua jari mangsa hampir putus.

Mesin kayu makan tangan

■ Dua jari pelajar SMK Datuk Menteri hampir putus terkena alat pemotong

Essa Abu Yamin
cnews@istp.com.my

Batu Pahat

“Ketika kejadian, anak saya baru memulakan kelas di dalam bengkel subjek Kemahiran Hidup di sekolahnya,” kata Mohd Hasni Mohamed, 44, bapa kepada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Datuk Menteri, Ayer Hitam yang

dua jari tangannya hampir terputus akibat terpotong mesin kayu, kira-kira jam 7.45 pagi kelmarin. Menurut Mohd Jasni, anaknya, Muhd Nur Adham Mohd Jasni, 14, masuk ke bengkel berkenaan dan memulakan kerja untuk memotong kayu menggunakan mesin yang terdapat di bengkel sekolah sambil di pantau gurunya. “Anak saya mahu memotong kayu menggunakan mesin pemotong kayu ber-

“**A**nak saya mahu memotong kayu menggunakan mesin pemotong kayu berkenaan dan tiba-tiba tangannya tergelincir lalu terpotong jari telunjuk dan jari hantunya”
Mohd Hasni Mohamed

keadaan dan tiba-tiba saja tangannya tergelincir lalu terpotong jari telunjuk dan jari hantunya. “Akaibat kemalangan itu, dua jari tangan anak saya hampir terputus dan kemudian guru sekolah berkenaan terus bergegas membawanya ke Hospital Sultanah Nora Ismail (HSNI) Batu Pahat untuk mendapatkan rawatan,” katanya. Mohd Jasni berkata, keadaan anaknya stabil dan hanya menunggu masa untuk pembedahan bagi menyelamatkan kedua-dua jarinya. “Syukur keadaan anak sa-

ya agak baik dan emosinya stabil serta kami sekeluarga sama-sama memberi semangat kepadanya untuk teruskan kehidupannya seperti biasa. “Terima kasih kepada pihak sekolah yang begitu prihatin mengenai kemalangan yang terjadi pada anak saya,” katanya. Menurutnya, doktor yang merawat anaknya itu memaklumkan pihak hospital akan berusaha menyelamatkan jari tangan anaknya yang hampir putus itu dengan memasang alat khas.

Masyarakat Berdaya

Headline : 2 maut, 25 cedera gas amonia bocor
Publication : Kosmo
Date : 14 Ogos 2018
Page : 16

Pekerja kilang proses ais muntah, sesak nafas selepas hidu bahan kimia tersebut

2 maut, 25 cedera gas amonia bocor

Kosmo 16 14/8/18

Oleh SUHANA MD. YUSOP

SHAH ALAM – Dua pekerja lelaki warga asing sebuah kilang memproses ais muntah manakala 25 lagi pekerja lain mengalami sesak nafas dan muntah selepas terhidu gas amonia yang bocor di premis itu di Jalan Nagasari, Seksyen 36 di sini semalam.

Dalam kejadian kira-kira pukul 5 pagi itu, kesemua pekerja asing warga India itu turut dilaporkan muntah dan mengalami pedih mata kerana kandungan gas amonia yang tinggi iaitu 500 bahagian per sejuta (ppm).

Paras bacaan kandungan gas amonia yang normal ialah 50ppm dan ia dikategorikan bahaya apabila melepasi bacaan 300ppm.

Namun, identiti kesemua mangsa belum dapat dipastikan. Kejadian itu merupakan kali kedua berlaku di premis itu selepas kali pertama pada tahun 2016. Kejadian kali pertama tidak melibatkan sebarang nyawa terkorban.

Ketua Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Zon Shah Alam, Yusri Basri berkata, kedua-dua pekerja yang maut itu dipercayai terhidu gas amonia yang



ANGGOTA perubatan memberikan rawatan awal kepada beberapa pekerja asing yang cedera akibat terhidu gas amonia di kilang ais tempat mereka bekerja di Shah Alam bocor semalam.

bocor daripada tangki simpanan bahan tersebut ketika mereka melakukan kerja rutin.

Menurutnya, mayat kedua-dua mangsa dihantar ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang manakala pekerja lain dihantar ke hospital berasingan iaitu di HTAR, Hospital Shah Alam, Hospital Sunggal Buloh dan Hospital Banting untuk menerima rawatan lanjut.

"Kita telah menemui punca kebocoran daripada salah sebuah paip yang disambung pada enjin

perprosesan kiub ais kira-kira pukul 1.20 petang sebelum menghubungi pemilik kilang dan konsultant membekal mesin tersebut bagi membolehkan mereka melakukan kerja-kerja pembalikan.

"Sehingga pukul 4 petang tadi (semalam), keadaan terkawal. Bacaan gas amonia di kawasan kilang dan sekitar sudah berada pada tahap tidak berbahaya," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Menurutnya, pihak bomba turut menasihatkan pengurusan



MAYAT dua pekerja asing ditutup dengan kain putih selepas kejadian gas amonia bocor di kilang memproses ais di Jalan Nagasari, Seksyen 36, Shah Alam.

Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Chung Hwa untuk menghentikan sesi pembelajaran bagi tujuan keselamatan berikutan jarak sekolah tersebut dengan lokasi kejadian adalah kira-kira 150 meter.

Malah katanya, pihaknya juga mengambil langkah awal pada pagi semalam dengan mengarahkan penduduk di kawasan perumahan yang terletak pada jarak 250 meter dari kilang itu untuk keluar daripada kediaman masing-masing sebagai langkah

berjaga-jaga.

Sementara itu, Pengarah Kesihatan Selangor, Datuk Dr. Khalid Ibrahim berkata, jumlah pekerja kilang yang terdedah dan berjaya dikenal pasti adalah seramai 27 orang termasuk dua yang maut.

Katanya, seramai 10 orang telah diintubasi, sembilan orang diletakkan di bawah pemantauan di hospital manakala enam lagi dibenarkan pulang selepas diberikan pendidikan kesihatan mengenai tanda-tanda keracunan gas amonia.

*Malaysian
Daily
Newspaper*

Headline : Dua pekerja kilang ais maut gas ammonia bocor
Publication : Berita Harian
Date : 14 Ogos 2018
Page : 59

Dua pekerja kilang ais maut gas ammonia bocor

➔ 18 kakitangan lain cedera alami sesak nafas, pedih mata

► Shah Alam

Dua pekerja kilang ais maut manakala 18 lagi cedera selepas terhidu gas ammonia yang bocor di premis itu di Seksyen 36 di sini, pagi semalam.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Seksyen 15 Shah Alam, Timbalan Penguasa Bomba Azmel Kamarudin, berkata dalam kejadian pada jam 5 pagi, kedua-dua mangsa, dipercayai warga India yang identiti belum dikenal pasti, meninggal dunia di tempat kejadian.

Katanya, mayat kedua-dua mangsa dihantar ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang sementara 18 pekerja warga asing yang cedera dihantar ke beberapa hospital iaitu lima di HTAR, Hospital Shah Alam (enam), Hospital Sungai Buloh (tiga) dan Hospital Banting (empat) bagi menerima rawatan.

"Kedua-dua pekerja yang maut itu dipercayai terhidu terus gas ammonia yang bocor dari tangki simpanan bahan ammonia ketika mereka melakukan kerja rutin.

Arah kosongkan premis

"Pekerja lain yang cedera mengalami sesak nafas, muntah-muntah dan pedih mata kerana kandungan gas ammonia tinggi bacaannya iaitu 500 ppm (bahagian per sejuta) berbanding bacaan normal iaitu 50ppm ke bawah," katanya ketika dihubungi BERNAMA, di sini, semalam.

Azmel berkata, pihaknya yang terdiri daripada tujuh pegawai dan 19 anggota termasuk daripada Pasukan Khas Tindakan Bahan Berbahaya (HAZMAT) mengambil tindakan pengusiran bangunan iaitu mengarahkan pekerja keluar dari kilang selain mengarahkan penghuni kawasan perumahan yang



Anggota HAZMAT memeriksa mesin yang bocor di sebuah kilang ais di Shah Alam, semalam.

terletak dalam lingkungan tiga kilometer dari kilang mengosongkan premis masing-masing.

Selain itu, beliau berkata operasi sebuah sekolah Cina yang terletak berhadapan kilang dinasihati ditutup atas faktor keselamatan.

"Dalam kilang terbabit, ada lima mesin yang sedang beroperasi dan satu daripadanya yang bocor telah ditutup inajarnya dan bacaan menurun. Kita gunakan beberapa kaedah seperti membuka semua pintu dan tingkap bagi mengeluarkan gas, menggunakan kipas ekzos kilang dan kaedah semburan air halus.

"Cabaran kita kini adalah berlakunya pertukaran tiupan angin yang kita khuatir akan bawa gas ammonia merebak ke kawasan sekeliling. Hingga jam 11 pagi ini (semalam) keadaan terkawal, tiada lagi bacaan 500ppm cuma masih lagi kita kepung kawasan untuk

pastikan keselamatan kawasan orang awam terjamin," katanya sambil menambah insiden itu tidak membabitkan kebakaran dan kejadian itu adalah yang kedua berturut-turut di kilang berkenaan.

Keadaan terkawal

Sementara itu, Menteri Besar Selangor Amirudin Shari dalam satu kenyataan berkata, kerajaan negeri memandangkan berat kejadian kebobrokan gas ammonia itu dan beliau mengarahkan pihak Majlis Bandaraya Shah Alam serta pihak berkaitan mengambil tindakan sewajarnya agar kawasan sekeliling serta penduduk sekitar tidak menertima kesan daripada kejadian itu.

Beliau dalam pada itu turut mengucapkan terima kasih kepada pasukan Bomba dan Penyelamat yang melakukan kerja menyelamat.

Tirjuaan NSTP setakat jam 3 pe-

tang semalam mendapati keadaan persekitaran berhampiran kilang ais itu terkawal tetapi pihak bomba masih berada di lokasi kejadian.

Ketua Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Zon Shah Alam, Yusri Basri, berkata bacaan gas ammonia dalam udara adalah 5ppm tetapi orang awam tidak dibenarkan berada berhampiran kawasan berkenaan.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Kandis, Mohd Zawawi Ahmad Mughni akan membawa isu kilang itu kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) dan sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) bulan depan.

"Saya akan jumpa PBT untuk mendapatkan penjelasan lanjut. Kita akan lihat bagaimana kilang ini beroperasi, adakah mereka mendapat kelulusan pihak alam sekitar kerana ia membabitkan bahan berbahaya," katanya.

Wangsa
Puting

Headline : Two killed in ammonia gas leak
Publication : The Sun
Date : 14 August 2018
Page : 04

Two killed in ammonia gas leak

> Incident also leads to closure of school, evacuation of residents within 3km radius

BY **ASHWIN KUMAR**
newsdesk@thesundaily.com

SHAH ALAM: Two workers were killed and a school was closed following an ammonia leak at an ice factory in Desa Latania yesterday morning.

In the 5.12am incident, Selangor Fire and Rescue Department deputy director of operations Mohd Rizal Buang said 18 others, comprising factory workers, were reported to be safe.

The department received a distress call at 5.12am and a team of 15 firemen from the Shah Alam fire station were deployed to the scene at Jalan Nagasari.

Members of the Hazardous

Materials Unit (Hazmat) were also dispatched and firefighters reached the scene within 15 minutes. Rizal added that the leak has since been contained.

When met at the scene, Section 15 Shah Alam Fire and Rescue station chief Azmel Kamarudi said the two killed were believed to be Indian nationals and their bodies had been sent to Tengku Ampuan Rahimah Hospital (HTAR) in Klang.

However, their identities have yet to be determined. The injured were taken to the school where the ambulances were stationed due to the hazard posed by the leak.

Azmel said the injured were all foreign nationals and they were sent to several nearby hospitals for treatment, five of them were sent to HTAR, six to Shah Alam Hospital, three to Sungai Buloh Hospital and four to Banting Hospital.

"The two workers who died were believed to have inhaled ammonia gas that leaked from a tank while doing their routine work. Those injured suffered breathing difficulties, vomiting and eye irritation due to the high ammonia content of 500ppm (parts per million)," he added.

The normal reading for ammonia content should be 50ppm and below.

Upon arriving at the scene, the Hazmat personnel ordered residents within a 3km radius of the

ice factory to vacate their houses and buildings.

The Fire and Rescue Department also ordered an independent Chinese school located in front of the factory to close for safety reasons.



Ambulances, at a safe distance from the factory, rushing the injured victims to hospital.

The ice factory where the ammonia gas leaked occurred.

It is learnt that the ammonia gas leak was the second incident reported at the factory.

Selangor Menteri Besar Amirudin Shari, in a statement,

said the state government viewed the incident seriously and had instructed the Shah Alam City Council and other authorities to take necessary action to ensure the

safety of residents in the surrounding areas.

He thanked the fire and rescue team for its quick response in mounting rescue operations.

Universal Studios Singapore
HALLOWEEN HORROR NIGHTS 8
SELECT NIGHTS • 27 SEP - 31 OCT



The Newspaper Cutting

Headline : Lubang maut
Publication : Harian Metro
Date : 12 Ogos 2018
Page : 04

Ibrahim Isa
ibrahim@nstp.com.my

Jobor Bahru

Seorang pekerja kontrak pembersihan meninggal dunia selepas terjatuh ke dalam lubang kumbahan sedalam 10 meter di pekarangan Lapangan Terbang Antarabangsa Senai (LTAS) dekat sini, tengah hari semalam.

Ketua Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Bandar Baru Kulai, Abdul Malik Abdul Rahman berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan jam 12.06 tengah hari dan tujuh anggota serta sebuah jentera dikejarkan ke lokasi.

Katanya, ketika pasukan tiba di tempat kejadian, mereka dapati dua lelaki terbaring di kawasan berhampiran mangsa berada di dalam lubang itu.

"Mangsa dikenali sebagai Abdul Basir, 20-an berada di dalam lubang berkenaan dan kami turun ke dalam lubang untuk membawanya keluar.

"Disebabkan lubang itu sempit, kami mengikat mayat menggunakan tali bagi menariknya ke atas sebelum diserahkan kepada polis.

"Pada masa sama, dua rakan sekerja mangsa wanga tempatan berusia 35 tahun dari Gua Musang, Kelantan dan wanga Indonesia berusia 44 tahun dibawa ke Hospital Temenggong Seri Maharaja Tun Ibrahim (HTS-

MTI) Kulai menggunakan ambulans LTAS untuk rawatan," katanya pada kenyataan.

Menurutnya, diahamkan mangsa dan dua rakannya membuat kerja saluan kumbahan dan selepas sejam penutup lubang itu dibuka, mangsa masuk ke dalam namun tergelincir lalu terjatuh ketika berada pada kedudukan 10 meter.

FAKTA

Disebabkan lubang kumbahan sempit bomba ikat mayat mangsa dengan tali untuk dibawa naik

LUBANG MAUT

Lelaki terbunuh terjatuh dalam lubang kumbahan, dua rakan sekerja dirawat di hospital



ABDUL Basir maut selepas terjatuh ketika masuk ke dalam lubang kumbahan (gambar kecil) di pekarangan LTAS.

Mempaparkan
Ditanyu

Headline : Maut terhidu gas ammonia
Publication : Utusan Malaysia
Date : 12 Ogos 2018
Page : 14

Pekerja pembersih maut ketika membersihkan saluran tangki septik

Maut terhidu gas ammonia

UM 14/8/18

■ JOHOR BAHRU 11 OGOS

SEORANG pekerja pembersihan rakyat Indonesia maut dipercayai terhidu gas ammonia dan metana ketika melakukan kerja pembersihan di saluran tangki septik di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai (LTAS) hari ini.

Ketua Polis Daerah Kulai, Superintenden Dzulkhairi Mukhtar berkata, kejadian berhampiran Pintu 1, LTAS pada kira-kira 12 tengah hari itu menyebabkan Abdul Basit, 32, meninggal dunia di tempat kejadian manakala dua rakan sekerjanya Nazri Yasin, 40, rakyat tempatan dan Sutrisno,

44, rakyat Indonesia pula ditemui tidak sedarkan diri.

"Hasil siasatan mendapati Abdul Basit masuk ke dalam saluran tangki septik untuk menjalankan kerja penyelenggaraan tanpa memakai alat keselamatan yang menyebabkan dia terdedah kepada gas ammonia dan metana sebelum tidak sedarkan diri.

"Abdul Basit sempat meminta bantuan dan dua rakannya (Nazri dan Sutrisno) cuba membantu tetapi tidak berjaya kerana mereka juga hampir pengan selepas terhidu gas tersebut," katanya menerusi kenyataan di sini.

Dzulkhairi berkata Nazri dan Sutrisno dipercayai berjaya me-

naikkan Abdul Basit separuh jalan namun terlepas setelah kedua-duanya turut mengalami kesan gas itu dan Abdul Basit terjatuh semula ke dalam tangki sedalam 10 meter tersebut.

Rakan mereka iaitu pemandu lori syarikat pembersihan tersebut bertindak meminta bantuan daripada polis lapangan terbang tersebut, katanya.

Menurut beliau, mayat Abdul Basit dikeluarkan dengan bantuan anggota Balai Bomba dan Penyelamat Bandar Putra, Kulai.

"Bomba tiba di lokasi pada 12.15 tengah hari dan si mati berjaya dikeluarkan 12.50 tengah

hari," katanya menambah kematian Abdul Basit disahkan pembantu perubatan yang digegaskan ke lokasi.

Menurutnya, ini adalah kali pertama Abdul Basit terlibat dalam kerja-kerja penyelenggaraan tangki septik kerana sebelum ini mangsa hanya membuat kerja pembersihan jalan.

Kata beliau, mayat mangsa dihantar ke Hospital Temenggung Seri Maharaja Tun Ibrahim, Kulai untuk bedah siasat.

Kedua-dua rakan sekerja mangsa juga dihantar ke hospital sama untuk rawatan lanjut, katanya menambah kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut. - BERNAMA

Manusya
Putri



Headline : Mekanik cedera dihempap bas ketika tukar tayar
Publication : Utusan Malaysia
Date : 12 Ogos 2018
Page : 05

Mekanik cedera dihempap bas ketika tukar tayar



ABD. RAHMAN ISHAK dikeluarkan dari bawah bas oleh rakannya di sebuah kedai tayar, Jalan Kampung Temin, Jerantut, Pahang, semalam.

UM 5 12/8/18

JERANTUT 11 Ogos - Seorang mekanik berdepan detik paling menyakitkan apabila kepalanya cedera parah akibat dihempap bas ketika sedang menukar tayar depan kenderaan itu di kedai tayar, Jalan Kampung Temin di sini hari ini.

Dalam kejadian kira-kira pukul 9.30 pagi tu, mangsa, Abd. Rahman Ishak, 39, dari Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) 410 di sini berada di bawah bas untuk memasang *hydraulic jack* bagi menukar tayar kenderaan tersebut.

Seorang saudara mangsa, Mohd. Zamri Umor, 33, berkata, secara tiba-tiba, *hydraulic jack* yang dipasang rosak, menyebabkan badan bas berkenaan jatuh dan menghempap mangsa.

Menurutnya, rakan sekerja mangsa yang melihat kejadian itu segera mengeluarkannya dari bawah bas.

"Pemilik bengkel yang turut berada di situ terus menghubungi ambulans untuk mendapatkan bantuan kecemasan," katanya kepada *Mingguan Malaysia*.

Ujar Mohd. Zamri, mangsa dalam keadaan separuh sedar ketika dikeluarkan dari bawah bas berkenaan.

Tambahnya, Abd. Rahman dikejarkan ke Hospital Jerantut untuk mendapatkan rawatan sebelum dirujuk ke Hospital Sultan Ahmad Shah, Temerloh.

"Abd. Rahman sudah lama bekerja di situ dan ini adalah kemalangan pertama menyimpannya di tempat kerja," ujarnya.

Mingguan Malaysia

Headline : Empat murid melecur air panas cerek tumpah
Publication : Berita Harian
Date : 10 Ogos 2018
Page : 22

KEMALANGAN

Empat murid melecur air panas cerek tumpah

BH 22 10/8/18

Ipoh: Empat murid Tahun Dua melecur, termasuk seorang parah akibat terkena tumpahan air panas daripada cerek elektrik ketika sesi pembelajaran subjek sains dalam bilik amali di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Maha Ganesa Vidyasalai dekat Sitiawan di sini, pagi kelmarin.

Dalam kejadian di antara jam 10 hingga 11 pagi itu, L Darshant, 8, melecur teruk dari leher hingga kaki, termasuk bahagian kemaluannya.

Tiga lagi rakannya turut melecur beberapa bahagian badan, namun tidak seteruk Darshant.

Bapa Darshant, M Loganathan, 46, berkata beliau ketika kejadian berada di Larkin, Johor, terkejut apabila menerima panggilan daripada isterinya, S Kalyani, 37, memaklumkan anak mereka terkena air panas di sekolah, sebelum bergegas pulang ke Sitiawan.

Beliau berkata, anaknya yang dikejarkan ke Hospital Seri Man-

jung (HSM) sebelum dirujuk ke Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di sini untuk rawatan lanjut di Unit Rawatan Rapi Koronari (CCU) hospital berkenaan.

Katanya, tiga rakan anaknya yang turut menerima rawatan di HSM, dengan kesan melecur pada beberapa bahagian badan, bagaimanapun dibenarkan keluar daripada hospital semalam.

"Saya sudah bertanya kepada rakan-rakan Darshant mengenai kejadian itu. Saya dimaklumkan mereka yang kejadian itu berlaku selepas cerek elektrik plastik yang digunakan dalam eksperimen itu terjatuh, menyebabkan air panas tumpah terkena mereka.

"Kesemua mereka terkena air panas berkenaan kerana kerusi masing-masing terletak berhadapan dengan cerek terbabit yang diletakkan di atas meja. Ketika air panas itu tumpah, mereka tidak sempat mengelak," katanya yang turut membuat laporan polis di

Balai Polis Sungai Senam di sini.

Loganathan berkata, beliau sudah ke sekolah anaknya itu untuk mendapatkan penjelasan tetapi apa dimaklumkan sekolah amat berbeza dengan apa yang diceritakan rakan-rakan anaknya yang terbabit dalam kejadian itu.

Terlanggar meja

Katanya, pihak sekolah mendakwa kejadian terbabit berpunca daripada dua orang murid yang dipercayai terlanggar meja berkenaan menyebabkan air berkenaan tertumpah, namun penjelasan itu jelas berbeza.

Menurutnya, walaupun pihak sekolah ada meminta maaf mengenai kejadian terbabit, namun dia berasa kecewa dan kesal apabila pihak terbabit seolah-olah lepas tangan kerana langsung tidak menghubunginya bagi mendapatkan perkembangan anaknya itu.

"Sudah hampir 30 jam kejadian berlaku, saya langsung tidak mene-



Saya dimaklumkan mereka yang kejadian itu berlaku selepas cerek elektrik plastik yang digunakan dalam eksperimen itu terjatuh"

M Loganathan

rima panggilan daripada guru besar ataupun guru sekolah berkenaan bertanyakan keadaan anak saya, malah saya sendiri yang pergi ke sekolah untuk berjumpa mereka.

"Saya juga berharap Kementerian Pendidikan menyasat kejadian ini berdasarkan tiga perkara iaitu sebarang langkah keselamatan diambil, prosedur operasi standard serta kemungkinan kecuaiannya," katanya.

Sementara itu, Pengarah Pendidikan negeri, Datuk Mat Lazim Idris, ketika dihubungi NSTP berkata, sekolah terbabit sudah menyediakan laporan awal kejadian dan dipanjiangkan kepada kementerian.

"Berdasarkan laporan awal, sekolah pada amnya sudah mengambil tindakan segera mengikut SOP sedia ada dalam menangani kes ini, namun JPN dan PPD akan membuat siasatan terhadap kejadian ini. Laporan penuh akan dikemukakan kepada kementerian," katanya.

*M
Nanyap
D
Gitting*

Headline : Sekolah terbakar lagi kali ketiga
Publication : Harian Metro
Date : 18 Ogos 2018
Page : 02

Sekolah terbakar lagi kali ketiga

Teluk Intan: Kebakaran di Sekolah Menengah Agama Maahad al-Islah, Sungai Manik di sini, semalam adalah kali ketiga sejak 2013 yang membabitkan satu blok tiga tingkat asrama sekolah berkenaan.

Dalam kejadian terbaru jam 2.30 petang, dua pelajar mengalami sesak nafas dipercayai terhidu asap ketika menyelamatkan diri dan dihantar ke Hospital Teluk Intan (HTI) untuk mendapatkan rawatan lanjut.

Pengetuanya, Augus Lok-

man Sulam berkata, kejadian terbaru mengakibatkan keseluruhan tingkat tiga bangunan menempatkan pelbagai kelengkapan seperti tilam, katil, meja, kerusi selain buku teks pelajar musnah terbakar.

Menurutnya, bangunan terbabit adalah asrama puteri dihuni 63 pelajar dan ketika kejadian terdapat 35 pelajar di dalam asrama namun kesemuanya menyelamatkan diri.

"Ketika kejadian sesi persekolahan selesai dan semua

pelajar menjalankan pelbagai aktiviti sendiri dengan hanya sebahagian berada di asrama dan selebihnya di luar bangunan terbabit.

"Ada dua pelajar mengalami sesak nafas dipercayai terhidu asap dan kini dihantar ke HTI untuk mendapatkan rawatan lanjut," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian semalam.

Beliau berkata, kejadian berkenaan adalah kali ketiga membabitkan blok asrama sama dan jumlah kerugian dianggarkan RM500,000.



Am 2 18/8/18

*Meninggalkan
Daring*

Headline : Kedudukan kewangan NIOSH catat lebih dana
Publication : Harian Metro
Date : 07 Ogos 2018
Page : 18

Kuala Lumpur

HIM 18 7/8/18

Kedudukan kewangan NIOSH catat lebih dana

Jabatan Audit Negara (JAN) memuji tadbir urus Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) berikutan kemampuan syarikat itu menjana pendapatan daripada aktiviti operasi tanpa bergantung kepada geran kerajaan.

NIOSH adalah Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ) bawah Kementerian Sumber Manusia.

Menurut Laporan Ketua Audit Negara 2017 Siri 1 yang dikeluarkan semalam, mendapati kedudukan kewangan NIOSH adalah kukuh menyaksikan syarikat itu mencatatkan lebih dana sebelum cukai bagi tiga tahun berturut-turut.

Ia masing-masing berjumlah RM7.42 juta

pada 2014, RM9.62 juta pada 2015, RM9.07 juta pada 2017.

"Tahap kecairan aset semua berbanding liabiliti pada kadar nisbah 8:1 menyaksikan syarikat berupaya memenuhi obligasi jangka pendek menggunakan sumber dalaman.

"NIOSH mempunyai baki tunai dan kesetaraan tunai yang tinggi berjumlah RM147.63 juta pada 2016.

"Tambahan pula, pengurusan geran pembangunan dalam aspek penggunaan geran dan pelaksanaan projek adalah cekap menyaksikan 95 peratus daripada peruntukan yang disalurkan dibelanjakan mengikut tujuan yang diluluskan," menurut laporan itu.

*Wang
Pening*

Headline : Ramai generasi muda 'mental'
Publication : Utusan Malaysia
Date : 07 Ogos 2018
Page : 19

sihat

Oleh ROSMAH DAIN
rosmah.dain@utusan.com.my

APABILA minda dan emosi tidak teratur, akan berlaku ketidakupayaan mengawal gangguan pemikiran, perasaan dan tingkah laku sehingga menyebabkan tekanan yang akan disebut sebagai kecelaruan mental atau masalah kesihatan mental.

Terdapat pelbagai jenis kecelaruan mental yang melibatkan remaja atau generasi muda masa kini.

Antaranya, kecelaruan tingkah laku, emosi dan identiti yang dipengaruhi pelbagai faktor dan sekiranya remaja gagal mengawal keadaan tersebut, akan mengalami pelbagai rintangan, kerumitan dan kecelaruan.

Hari ini, tanpa kita sedari, golongan muda menghadapi masalah kesihatan mental diakibatkan oleh kemurungan dan keimbangan yang keterlauan.

Malah, ramai dalam kalangan lulusan Institut perujian tinggi (IPT), terjejas emosi dan fizikal mereka akibat faktor-faktor berkenaan, sedangkan golongan ini diperihakan



Ramai generasi muda 'mental'

untuk menyumbang kepada pembangunan negara.

Menurut Penuang Pesahaan Psikiatri Malaysia, **Tan Sri Lee Lam Thye**, adalah lumaif seorang lepanan universiti yang telah berusaha dengan jayanya di medan pengajian, mengharapakan keadaan yang terbaik dengan mendapatkan pekerjaan dan gaji yang tinggi.

"Namun, tidak semua impian itu akan tercapai. Ada yang sukar mendapatkan pekerjaan, bekerja dalam bidang yang bukan dalam bidang mereka atau tidak suka dengan bidang itu."

"Mereka juga dibebani rasa khuatir dengan masa depan, hubungan dengan keluarga, komitmen baharu kewangan, mengharapakan dapat kerja yang terbaik, bimbang dengan harapan tinggi keluarga.



LEE LAM THYE

dan ibu bapa, perlu membayar pinjaman serta kos sara hidup, yang kesemua itu menyebabkan mereka berada dalam emosi, kemurungan dan keimbangan yang nyata.

"Memang semua generasi berhadapan dengan masalah mereka tersendiri, namun golongan muda hari ini berhadapan dengan satu masalah yang berbeza daripada generasi masa lalu yang pasti membawa kesan terhadap kehidupan mereka kerana masa kini dipenuhi dengan cabaran daripada teknologi terkini," kata Lam Thye.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada Peridangan Saintifik Tahunan bagi Pakar-Pakar Psikiatri dan Profesional Dalam Kesihatan Mental, di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Katanya, lebih ramai golongan muda dilihat menghadapi simptom-simptom mengalami tekanan atau stres seperti kemurungan dan keimbangan keterlauan, gejala yang bukan sahaja ditemui di negara ini, malah seluruh dunia.

Jelas beliau, berdasarkan Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2017, seorang daripada lima remaja didapati mempunyai simptom kemurungan, manakala dua daripada lima orang mengalami simptom kecelaruan fikiran dan seorang daripada 10 orang mengalami stres.

Ikan itu sahaja, sikap sebahagian daripada mereka yang mahu menjadi lebih baik daripada rakan sebaya dan pengagut terbesar daripada media sosial dari segi pemilihan fesyen dan pemilihan idola, membuatkan golongan ini mahu menjadikan diri mereka lebih sempurna sebagaimana yang mereka inginkan menerusi paparan dalam media sosial.

Mereka akan mula membandingkan antara satu sama lain dan sukar untuk memisahkan sama ada yang dipaparkan dalam media sosial itu merupakan sesuatu yang realiti atau sebaliknya.

"Hakikatnya, pada ketika ini, golongan ini sebenarnya sedang mencari-cari ruang dan kehidupan mereka sendiri. Mereka perlukan sesuatu yang selamat dan kasih sayang agar boleh mencari identiti sendiri."

"Justeru, ibu bapa perlu lebih berinteraksi dengan anak-anak mereka pada usia ini, bertanya minat mereka, memberikan keyakinan dan selesaikan kebuntuan yang dialami mereka," kata beliau.

DERITA MASALAH MENTAL

Menurut Lam Thye lagi, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah melaporkan secara global, sebanyak 450 juta orang telah menderita akibat kesihatan mental dan kecelaruan



MASALAH kesihatan mental berlaku pada semua umur dan budaya di negara ini. Hampir 10 peratus penduduk seluruh dunia mengalami masalah kesihatan mental.

Semua generasi berhadapan dengan masalah mereka tersendiri, namun golongan muda hari ini berhadapan dengan satu masalah yang berbeza daripada generasi masa lalu, yang pasti membawa kesan terhadap kehidupan mereka kerana masa kini dipenuhi dengan cabaran daripada teknologi terkini."

minda, dengan anggaran seorang daripada lima individu menghadapi kecelaruan fikiran, yang 11 peratus daripadanya hidup dalam serba kekurangan dan sebahagian daripadanya adalah wanita.

Dalam hal ini, Malaysia juga tidak terkecuali. Keadaan ini boleh dilihat menerusi laporan yang dikendalikan oleh Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan oleh Kementerian Kesihatan, yang menunjukkan peningkatan masalah isu berkaitan kesihatan mental dalam kalangan mereka yang berusia 15 tahun dan ke atas sebanyak 29.2

peratus, berbanding 10.6 peratus pada 1996.

Masalah kesihatan mental memberikan kesan yang besar kepada si penghidapnya, termasuk keluarga dan komuniti. Individu yang menderita masalah ini tidak boleh melakukan aktiviti termasuk bekerja, yang pasti akan menimbulkan ingak negatif kepada produktiviti negara.

Mereka juga akan terdorong kepada sasaran stigma dan diskriminasi daripada masyarakat sekeliling, yang menghalang mereka daripada mendapatkan bantuan dan rawatan.

Stigma ini bukan sahaja meragutmi mereka yang menderita, bahkan juga keluarga si penghidap yang sudah tentu memerlukan mereka mendapatkan bantuan dan sokongan secara emosi dan fizikal.

"Bebanan kepada keluarga boleh bermula daripada reaksi emosi ke bebanan kewangan. Ahli keluarga perlu memahami dan mencajapi peragai individu si penghidap yang terpinggir daripada aktiviti sosial dan berhadapan dengan kos tambahan untuk rawatan, sesi kaunseling dan ubat."

"Dalam kebanyakan negara membangun, rawatan pesakit mental tidak diberikan penyediaan khusus kepada si penghidapnya yang menyebabkan mereka dibiarkan kemurungan, berdepan dengan keimbangan melampau tanpa rawatan dan tidak mesrini ape-apa rawatan," jelas beliau.

Menyampaikan Berita

Headline : Mental pekerja tidak sihat, AS rugi RM213b
Publication : Utusan Malaysia
Date : 06 Ogos 2018
Page : 14

Mental pekerja tidak sihat, AS rugi RM216b

3/1
11
6/8/18

NEW YORK 5 Ogos - Kemerostan kesihatan mental menyebabkan negara ini mengalami kerugian AS\$53 bilion (RM216 bilion) setahun kerana pekerja terpaksa mengambil lebih banyak cuti dan melakukan tugas lebih perlahan.

Kajian oleh kumpulan penyelidik dari Universiti Pennsylvania State mendapati cuti yang diambil semasa hari bekerja atau melakukan tugas perlahan akibat masalah mental menyebabkan kejatuhan 0.87 peratus dalam pertumbuhan pendapatan di bandar.

Di kawasan luar bandar, kesannya lebih besar iaitu bagi setiap hari cuti atau 'hari kesihatan mental' berlaku kejatuhan 2.3 peratus dalam pertumbuhan pendapatan.

Menurut laporan

PEKERJA yang mengalami kemerostan kesihatan mental kurang produktif dan menyebabkan kerugian ekonomi kepada negara. - AGENSI

portal *Daily Mail*, kajian itu tersebut dilakukan melalui analisis data dan demografi dari 2008 sehingga 2014.

Penyelidik berkata, hasil kajian itu membuktikan bahawa lebih banyak dana perlu dilaburkan kepada sumber kesihatan mental.

Jika sumber itu tidak diperbaiki dalam tempoh 20 tahun, penyelidik meramalkan kesihatan mental akan memberi kesan besar terhadap produktiviti ekonomi dunia dengan kerugian mencecah AS\$16 trilion (RM65.2 trilion).

Melalui kajian itu, penyelidik

mendefinisikan hari kemerostan kesihatan mental sebagai hari bekerja yang diambil pekerja untuk bercuti kerana dilanda perasaan bimbang, tekanan dan murung.

Profesor Dr. Stephen Goetz dari universiti berkenaan berkata, kesan lebih besar terhadap kawasan luar bandar berlaku kerana mereka berhadapan dengan pelbagai masalah termasuk kemiskinan.

"Jika kesan ini lebih besar di kawasan berkenaan maka penduduknya akan merasa lebih sukar untuk bersaing dengan kawasan kaya," katanya.

Menurut beliau juga, perbezaan itu wujud kerana kawasan bandar mempunyai perkhidmatan masalah kesihatan mental yang lebih baik dan mudah diperolehi berbanding kawasan luar bandar.

"Di kawasan bandar kita mempunyai pusat kesihatan mental dan sumber yang dapat membantu kita melalui hari yang sukar selain terdapat ramai profesional kesihatan mental berbanding kawasan luar bandar," katanya.

Goetz turut menekankan bahawa kadar individu yang menderita masalah kesihatan mental dan kadar bunuh diri semakin meningkat di bandar dan luar bandar.

Manusya
Daring

Headline : Stres punca ramai alami kemurungan
Publication : Utusan Malaysia
Date : 06 Ogos 2018
Page : 23

Stres punca ramai alami kemurungan

■ KUALA LUMPUR 5 OGOS

DEPRESI atau kemurungan menjadi penyakit kesihatan mental utama dialami rakyat Malaysia menjelang 2020 susulan semalini ramai orang dijangka mengalami peningkatan stres akibat tekanan kerja dan keluarga.

Penaung Persatuan Psikiatri Malaysia (MPA), Tan Sri Lee Lam Thye berkata, menurut Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan pada tahun lepas, 29 peratus

rakyat Malaysia mengalami depresi dan gangguan keclaruan berbanding 12 peratus pada 2011.

"Kebanyakan orang mendapati sukar untuk menguruskan

masalah yang mereka hadapi di tempat kerja dan tidak mampu mengendalikan stres dan keadaan lebih sukar apabila individu itu berdepan masalah ahli keluarga dan tidak mendapat sokongan emosi.

"Terdapat peluang lebih tinggi bahawa seseorang itu hanya berdiam diri dan memendam emosi apabila mereka tidak mencari cara untuk meluahkan kekecewaan mereka," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Lam Thye berkata, penyelidikan pakar berhubung kadar depresi dalam kalangan rakyat Malaysia menunjukkan berlaku peningkatan sebanyak 50 peratus pesakit depresi dari 2011 sehingga 2015.



KEBANYAKAN orang sukar menguruskan masalah dihadapi di tempat kerja dan tidak mampu mengendalikan stres. - GAMBAR HIASAN

"Oleh itu, rakyat perlu menangani penyakit ini dan membangunkan strategi pencegahan dan program efektif dalam mengendalikan kesejahteraan mental.

"Beberapa langkah untuk mencegah depresi dan keclaruan adalah dengan bersenam secara konsisten, tidur sekurang-kurangnya lapan jam sehari dan mengelakkan platform media sosial seperti WhatsApp sekurang-kurangnya 45 minit sebelum masuk tidur," katanya.

Bagaimanapun, menurut Jabatan Psikiatri Pusat Perubatan Universiti Malaya, depresi dan keclaruan boleh dirawat jika dikesan awal. - BERNAMA

Terdapat peluang lebih tinggi bahawa seseorang itu hanya berdiam diri dan memendam emosi apabila mereka tidak mencari cara untuk meluahkan kekecewaan mereka."

LEE LAM THYE
Penaung Persatuan
Psikiatri Malaysia